

**DOKUMENTASI WARISAN PERKAHWINAN ADAT PERPATIH DI KUALA PILAH,
NEGERI SEMBILAN**

SUHAILA BINTI HARUN

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**DOKUMENTASI WARISAN PERKAHWINAN ADAT PERPATIH DI KUALA PILAH,
NEGERI SEMBILAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
SUHAILA BINTI HARUN**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada manamana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

SUHAILA BINTI HARUN

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN


Projek bertajuk “Keistimewaan Perkahwinan Adat Perpatih Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan” telah disediakan oleh (**SUHAILA BINTI HARUN**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)


Tarikh:



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya, saya telah dapat menyempurnakan projek penyelidikan ini pada masa yang telah ditetapkan, meskipun terdapat beberapa kekangan yang perlu dihadapi dan ditempuhi dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, bantuan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaan dan bimbingan serta selalu memberikan pandangan dan pendapat beliau mengenai kajian yang telah saya laksanakan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan dari segi moral dan fizikal kepada saya semasa dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada ibu bapa yang telah menyediakan segala kemudahan dan keperluan yang saya perlukan bagi menyelesaikan kajian ini supaya dapat dilakukan secara lancar dan tidak menghadapi sebarang masalah.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada saudara saya Nathyln Diane Imbong Tuchun yang turut membantu sedikit sebanyak dalam menjalankan kajian ini. Bantuan dan sokongan dari segi moral dan fizikal daripada ahli keluarga telah menjadi semangat dan dorongan yang sentiasa membantu agar saya tidak berputus asa semasa menyelesaikan kajian penyelidikan ini.

Selain daripada ahli keluarga, saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesukaran dalam menjalankan proses kajian penyelidikan. Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga

semua bantuan dan kerjasama yang telah diperolehi ini mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

DOKUMENTASI WARISAN PERKAHWINAN ADAT PERPATIH DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

ABSTRAK

Soal perkahwinan dan kekeluargaan bagi masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih adalah mengamalkan cara hidup bersuku, iaitu cara hidup secara berkeluarga dengan ahli keluarga yang terdiri daripada satu ikatan sedarah sedaging. Mengikut Adat Perpatih, selepas berkahwin si suami akan meninggalkan keluarganya kerana si isteri akan membawanya untuk tinggal di rumah pusaka (rumah gadang) atau rumah sendiri yang dibina berhampiran dengan rumah pusaka ibu si isteri. Hal ini kerana jika berlakunya penceraian atau isteri meninggal dunia antara suami dan isteri, suami akan kembali semula kepada sukunya yang asal dan anak-anak mereka akan menjadi hak rumpun ibunya. Kajian ini juga mengenalpasti sumber untuk dijadikan sebagai rujukan juga masih kurang, malah pakar-pakar rujukan juga dalam kalangan pengamal adat tidak seperti yang dianggap kerana disebabkan oleh kekurangan ilmu yang diwarisi. Pengamal Adat Perpatih juga telah mulai meninggalkan sedikit demi sedikit kepentingan Adat dengan mengantikan dengan fahaman yang baru hingga kini pada abad ke-21 telah banyak berubah. Objektif kepada kajian ini adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri perkahwinan Adat Perpatih, mengetahui tata tertib perkahwinan dalam adat Perpatih dan mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama. Metode yang digunakan adalah kaedah temubual, dan kajian perpustakaan. Kajian ini adalah untuk mendapatkan lagi maklumat yang sahih mengenai adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat di negeri Sembilan.

Katakunci: *Adat perpatih, perkahwinan, negeri Sembilan, tatatertib*

**THE DOCUMENTATION HERITAGE OF PERPATIH
CUSTOMS ON MARRIAGE IN KUALA PILAH, NEGERI
SEMBILAN**

ABSTRACT

The question of marriage and family for the community that practices Adat Perpatih is to practice a tribal way of life, which is a way of living as a family with family members who consist of a flesh and blood bond. According to Adat Perpatih, after marriage the husband will leave his family because the wife will take him to live in the inheritance house (rumah gadang) or his own house built near the inheritance house of the wife's mother. This is because if there is a divorce or the wife dies between the husband and wife, the husband will return to his original tribe and their children will be the right of his mother's clan. This study also identifies sources to be used as reference is still lacking, even reference experts are also among customary practitioners are not as considered due to the lack of inherited knowledge. Practitioners of Adat Perpatih have also started to abandon little by little the importance of Adat by replacing it with a new ideology until now on the 21st century has changed a lot. The objective of this study is to identify the characteristics of Adat Perpatih marriage, know the order of marriage in Adat Perpatih and study the effects of marriage between the same tribes. The methods used were interview method, library study, and questionnaire. This study is to obtain more authentic information about the custom of marriage practiced by the community in Negeri Sembilan.

Keywords: *Adat perpatih, marriage, negeri Sembilan, discipline*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	3-7
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9-10
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Definisi Terminologi	13-14
1.10 Penutup	15

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Latar Belakang Sejarah dan Masyarakat Negeri Sembilan	17
2.3 Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam	17
2.4 Adat Perpatih Berpandukan Syariah	18
2.5 Amalan Perkahwinan Mengikut Adat Perpatih	19
2.6 Ulasan Parr dan Mackary Mengenai Perkahwinan di Rembau	20
2.7 Pandangan Syarak Terhadap Keluarga Mengikut Adat Perpatih	20-21
2.8 Perkahwinan Sumbang	21-22
2.9 Larangan Melakukan Poligami Dengan Perempuan Sesuku	22
2.10 Penceraian Dalam Adat Perpatih	22
2.11 Pandangan Syarak Mengenai Perkahwinan antara Kerabat	23
2.12 Penutup	24
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	25
3.1 Pengenalan	25-27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27-31
3.3 Instrumen Kajian	32
3.4 Prosedur Pungutan Data	32-33
3.5 Jangkaan Dapatan Kajian	33
3.6 Penutup	34

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	35
4.1 Pengenalan	35-36
4.2 Mengenalpasti Ciri-ciri Dalam Perkahwinan Mengikut Adat Perpatih	37-38
4.3 Mengetahui Tatatertib Perkahwinan Dalam Adat Perpatih	39-40
4.4 Mengkaji Kesan Perkahwinan Antara Suku Yang Sama	41-42
4.5 Penutup	43
BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	44
5.1 Pengenalan	44
5.2 Perbincangan	44-47
5.3 Cadangan	47-50
5.4 Cadangan Lanjutan	51
5.5 Penutup	52-53
RUJUKAN	54-55
LAMPIRAN	56-62

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Rekabentuk Kajian	28
4.1	Nama Responden	36

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.2	Latar Belakang Kajian	4
3.1	Rekabentuk Kajian	26
4.1	Pengenalan	36
4.2	Mengakji Kesan Perkahwinan Antara Suku Yang Sama	42

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Adat yang dapat dikenalpasti daripada segi Bahasa adalah satu peraturan atau lebih dikenali sebagai perkara yang biasa dilakukan oleh masyarakat. Manakala dari segi budaya pula, adat merupakan peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi (Asmad,1990). Adat Perpatih pula secara ringkasnya adalah suatu peraturan hidup bermasyarakat yang merangkumi pelbagai aspek yang berteraskan kepada kelompok-kelompok kekeluargaan. Antaranya dari segi perspektif politik, ekonomi, undang-undang, organisasi sosial, langkah untuk berinteraksi dan bertanggungjawab antara satu sama lain juga telah ditetapkan oleh adat (Nadzan Haron, 1997).

Terdapat juga wujudnya kepelbagaian tanggapan yang berlainan daripada perbezaan pandangan mengenai bilangan luak atau daerah yang terdapat di dalam Negeri Sembilan. Menurut Nordin Selat, Negeri Sembilan ini terdiri daripada empat belas luak atau daerah yang terdapat di dalam Negeri Sembilan iaitu daerah yang terdiri daripada Rembau, Seri Menanti, Gemencheh, Tampin, Gunung Pasir, Sungai Ujong, Ulu Muar, Inas, Jelebu, Johol, Terachi, Jempol, Ayer Kuning dan Linggi. Negeri Sembilan ini memberi maksud cantuman atau gabungan daripada Sembilan buah penempatan atau negeri yang diterokai (Mohd Rosli Saladin 2011).

Manakala berdasarkan pendapat T.J Newbold adalah, Negeri Sembilan ini terdiri daripada daerah seperti Johol, Sungai Ujong, Naning, Segamat, Jelebu, Kelang, Rembau, Ulu Pahang dan Jelai. Menurut R.J Wilkinson pula beliau telah mengeluarkan Johol daripada senarai daerah dalam negeri Sembilan dan mengantikannya dengan daerah Inas. Seterusnya, J.E. Nathan dan R.O Winstedt telah mengubah senarai daerah atau luak yang terdapat dalam Negeri Sembilan kepada Sungai Uong, Kelang, Jelebu, Rembau, Segamat, Pasir Besar (Johol), Naning, Jelai (Inas) dan Ulu Pahang (iaitu daerah yang terletak diantara Ulu Serting dan Temerloh, Pahang) (T. J. Newbold 1971).

Kewujudan Negeri Sembilan ini terdapat pelbagai tafsir atau pendapat mengenai bilangan luak atau daerah yang terdapat dalam gabungan Negeri Sembilan yang mempunyai kemungkinan kerana tidak mempunyai sumber sejarah yang benar dapat menggambarkan dengan terperinci mengenai sejarah pembentukan Negeri Sembilan. Selanjutnya, sejarah mengenai Negeri Sembilan ini telah mulai jelas selepas pada tahun 1824 kerana berlakunya perkembangan sejarah yang dapat menyatakan bahawa Negeri Sembilan tidak hanya meliputi sembilan buah luak atau daerah secara keseluruhan (Taha Abdul Kadir, 1980)

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan ini adalah berkisarkan mengenai adat perkahwinan yang terdapat di Negeri Sembilan iaitu dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan yang diamalkan oleh masyarakat setempat di kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang merupakan salah satu daerah atau luak yang masih mengamalkan adat perpatih ini.

Soal perkahwinan dan kekeluargaan bagi masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih adalah mengamalkan cara hidup bersuku, iaitu cara hidup secara berkeluarga dengan ahli keluarga yang terdiri daripada satu ikatan sedarah sedaging. Mengikut Adat Perpatih, selepas perkahwinan berlaku antaranya suami akan meninggalkan keluarganya kerana si isteri akan membawanya untuk tinggal di rumah pusaka (rumah gadang) atau rumah sendiri yang dibina berhampiran dengan rumah pusaka ibu si isteri. Hal ini kerana, jika berlakunya penceraian atau isteri meninggal dunia antara suami dan isteri, suami akan kembali semula kepada sukunya yang asal dan anak-anak mereka akan menjadi hak rumpun ibunya (Mat Noor Mat Zain, et 2012).



Rajah 1.1 : Gambar perkahwinan

(Sumber : <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/adat-perpatih-should-keep-times122698>) (26.5.2021)

1.2.1 Konsep Adat

Adat Perpatih ini merupakan salah satu adat warisan yang diteruskan dari generasi ke generasi yang diamalkan oleh generasi warga asal Negeri Sembilan. Konsep untuk pembahagian adat juga di Negeri Sembilan juga bergantung kepada yang terdapat di lokasi luak atau daerah. Terdapat daerah di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih manakala luak atau daerah seperti Port Dickson yang lokasinya terletak berhampiran dengan pantai mengamalkan Adat Temenggung (R. J. Wilkinson, 1971)

Adat perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan Malaysia mempunyai beberapa persamaan dengan Adat Perpatih yang diamalkan di Sumatera Barat Indonesia, hal ini kerana, imigran dari Sumatera Indonesia telah berhijrah di Negeri Sembilan dan membuka penempatan. Hukum Adat Perpatih (Minang),

yang sama adalah harta pusaka mestilah diwariskan kepada belah ibu atau perempuan (Azima,2009). Kawasan yang sama mengamalkan adat ini adalah di kawasan Kuala Pilah.

Terdapat tiga kumpulan utama dalam masyarakat Melayu yang masih mengamalkan Adat Perpatih di Kuala Pilah iaitu:

1.2.1.1 Perut

Perut ini ialah satu sosial-politik terkecil dalam sesuatu suku. Setiap anggota perut perlulah berasal dari keturunan perempuan (moyang) yang sama dari generasi ke generasi. Hal ini kerana, anggota perut terdiri dari keluarga sedarah nisab ibu dan beberapa anggota lain yang telah berkadim (Mohd Rosli, 2011). Berkadim ini bermaksud satu proses untuk memperolehi saudara yang disaksikan oleh lembaga, buapak, ibu soko, dan anak angkatnya, yang akan disertai oleh adanya harta pusaka iaitu tanah dan rumah. Sekiranya, tidak mempunyai perkara tersebut bermakna upacara berkadim adalah tidak sempurna. Hubungan di antara individu ini di dalam perut biasanya sangat rapat kerana mempunyai semangat kekitaan dan perasaan persaudaraan. Setiap perut akan mempunyai satu ketua yang digelar Buapak.

1.2.1.2 Suku

Suku pula terbentuk dari gabungan beberapa suku iaitu satu unit kekeluargaan yang lebih besar. Anggota suku ini mestilah dari perut yang sama Cuma mempunyai susur galur yang jauh. Anggota suku lelaki dan perempuan menganggap semua adalah keluarga, hal ini telah menyebabkan larangan perkahwinan sesama suku berlaku yang dipercayai bagi sesiapa yang berkahwin sesama suku untuk kaum perempuan tidak akan dapat

mewarisi harta pusaka dan bagi lelaki pula tidak dapat menyandang apa-apa pangkat sebagai pegawai adat. Terbahagi kepada dua belas jenis suku dalam Adat Perpatih antaranya Suku Binduanda, Seri Melenggang, Seri Lemak, Anak Aceh, Tiga Nenek, Tiga Batu, Batu Belang, Paya Kumbuh, Suku Mungkal, Tanah Datar, Batu Hmapar dan Anak Melaka.

1.2.1.3 Luak

Menurut Makiah Tussaripah Jamil, luak pula adalah satu unit kawasan pentadbiran yang menjadi pusat adat. Terbahagi kepada empat luak utama yang mengikut pentadbiran iaitu Sungai Ujung, Rembau, Jelebu dan Johol. Keempat-empat luak ini diketuai oleh Undang yang Empat dan Luak Tanah Mengandung yang meliputi lima luak yang kecil iaitu Seri Menanti iaitu luak Inas, Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir, Luak Terachi, dan Luka Jempol. Setiap luak kecil ini pula ditadbir oleh ketua adat yang digelar Penghulu Luak. Didalam satu luak pula mempunyai lima atau enam suku utama dan tiap-tiap luak didominasi oleh suku Binduanda.

1.2.2 Konsep Keluarga Mengikut Adat Perpatih

1.2.2.1 Susur galur keturunan (nasab) daripada ibu (sistem matrilineal)

Dalam sistem *matrilineal* atau lebih dikenali sebagai nasab keturunan sebelah ibu yang penting dan salah satu prinsip utama di dalam menentukan hak-hak dalam pemilikan harta warisan yang berkaitan terutamanya dalam pewarisan dengan tanah adat. Hal ini kerana, meskipun mempunyai asset yang lain berbeza daripada tanah adat ia tidak akan dibahagikan secara sistem matrilineal malahan

ia diuruskn dengan menggunakan cara yang ditetapkan dan terdapat di dalam ajaran Islam iaitu di kenali Sebagai *Fariadh*.

Sistem ini juga amat menitik beratkan nasab sebelah ibu, yang mana anak perempuan adalah yang paling mempunyai hak dalam menerima dan untuk mewarisi harta pusaka iaitu tanah adat. Antaranya, adik perempuan atau anak perempuan kepada adik perempuan dan cucu-cucu perempuan hinggalah kepada peringkat seterusnya. Hal ini juga dibincangkan juga sekiranya si ibu tidak mempunyai keturunan perempuan, boleh dilaksanakan proses pengambilan anak angkat perempuan iaitu proses berkadim daripada suku yang sama ataupun suku yang berlainan dengan permaufakatan yang dipersetujui oleh seluruh ahli suku di dalam masyarakat. Hal ini dilaksanakan dihadapan ketua seperti Baupak dan disusuli dengan ahli lembaga dan juga anak buah.

1.3 Penyataan Masalah

Pernyataan masalah adalah satu bahagian yang akan menerangkan mengenai isu dan masalah yang ingin dikaji oleh penyelidik. Penyataan masalah juga merupakan salah satu bahagian yang penting untuk menjadikan penyelidikan yang lebih teratur dan mempunyai fokus yang penting untuk mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji oleh penyelidik. Pernyataan masalah ini telah diperolehi melalui pembacaan, pemerhatian yang dijalankan. Penelitian dokumen dan kajian lain yang berkaitan juga telah dicapai untuk memastikan setiap objektif akan terjawab (Norhalim Hj. Ibrahim, 2009).

Adat perpatih ini telah berjalan dengan teratur dan penuh tertib mula daripada konsep, nilai, falsafah serta amalan sejak kurun ke 16 sebelum kedatangan Barat ke Semenanjung Tanah Melayu. Adat Perpatih ini diterima untuk menggantikan system yang lama berdasarkan animisme (Dharmawijaya 1981)

Kajian ini juga mengenalpasti sumber untuk dijadikan sebagai rujukan juga susah untuk didapati, malah tidak terdapat pihak yang bertanggungjawab dari bidang perofesional seperti pakar untuk dirujuk berkenaan dengan dengan bidang Adat. Hal ini kerana, kekurangan penteahuan ilmu mengenai adat yang diturunkan secara lisan dan turun termurun diwarisi. Pengamal Adat Perpatih juga telah mulai meninggalkan sedikit demi sedikit kepentingan Adat dengan menggantikan dengan fahaman yang baru hingga kini pada bad ke-21 telah banyak berubah (Shamsuddin Ahmad, 2019).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah merupakan satu keperluan dan kepentingan yang perlu ada dalam penyelidikan untuk memastikan kajian penyelidikan yang dilaksanakan akan mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif yang ingin diraih dalam kajian ini adalah:

- I. Menenalpasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih
- II. Mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih
- III. Mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang merujuk kepada objektif telah ditetapkan oleh penyelidik.

Antara persoalan kajian ialah:

- I. Apakah ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut masyarakat Adat Perpatih?
- II. Apakah cara dan tata tertib dalam melaksanakan perkahwinan mengikut Adat Perpatih?
- III. Apakah kesan terhadap pasangan yang berkahwin dengan suku yang sama?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan mempunyai kajian dan kepentingan terhadap kajian yang dibuat dan mempunyai nilai kepada semua pihak serta mampu dan dapat untuk memberikan manfaat atau faedah kepada pembaca. Penyelidikan berkaitan warisan tidak ketara iaitu Adat Perpatih ini memberikan kebaikan dan manfaat kepada individu iaitu sama ada kepada penyelidik itu sendiri atau kepada masyarakat, institusi dan pendidik. Antara kepentingan yang dapat dilihat dalam penyelidikan ini adalah:

1.6.1 Individu

Kepentingan penyelidikan ini dari segi kepentingan kepada individu adalah, kajian ini dapat memperluaskan lagi pengetahuan dan merungkai sejarah dan asal-usul Adat Perpatih yang diamalkan di Kuala Pilah, Neheri Sembilan. Kajian ini juga, dapat merungkai maklumat Adat Perpatih mengikut jenis adat iaitu adat perkawinan. Dalam kajian ini, segala maklumat yang berkaitan dengan Adat Perpatih dapat diketahui dengan lebih khusus dan memperolehi daripada sumber-sumber yang betul dan sahih tanpa ditokoh tambah maklumat yang tidak sahih. Maklumat kajian ini juga dapat memberikan sedikit sebanyak pendedahan dan maklumat untuk digunakan kepada kajian yang akan datang melalui skop kajian dan sorotan kajian yang sama dan terkini (Mohd Hanafiah, 2010).

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat juga adalah untuk mewujudkan usaha sama dalam memastikan adat perpatih ini masih diamalkan oleh generasi yang ada dan tidak dilupakan. Kesedaran masyarakat juga amat penting dalam menilai sesuatu warisan terutama kepada warisan tidak ketara seperti adat ini agar nilai sejarah tidak terbiar dan pupus. Masyarakat memainkan peranan yang enting dalam memupuk kesedaran dama memelihara adat perpatih yang telah wujud sejak sekian lama terdahulu. Impak yang positif masyarakat dalam memelihara adat mampu menarik minat masyarakat luar untuk mengenalinya dan penduduk negeri Sembilan untuk menjaga dan mengamalkan adat tersebut (Zaharah, 1981).

1.7 Skop Kajian

Penyelidikan ini adalah untuk menyelidik mengenai perkahwinan mengikut Adat Perpatih yang diamalkan dan penyelidikan ini tertumpu dijalankan di lokasi kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Adat perpatih ini merupakan adat yang masih diamalkan di negeri Sembilan. Adat perpatih ini sangat unik dan berbeza dengan adat temenggun yang diamalkan di Pahang, adat ini pada mulanya diamalkan di Sumatera, Indonesia dan masyarakat imigran Indonesia yang telah berhijrah ke negeri Sembilan telah membuka penempatan dan menjadikan adat perpatih ini sebagai pegangan yang kukuh. Penyelidikan ini melibatkan ketua adat atau dikenali sebagai ibu soko untuk menerangkan dengan lebih terperinci mengenai adat perpatih yang diamalkan kepada beberapa bahagian seperti ciri-ciri perkahwinan dan tata tertib yang dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas perkahwinan (Makiah Tussaripah Jamil, 2012).

1.8 Batasan kajian

Dalam penyelidikan ini mempunyai batasan kajian iaitu penyelidik mestilah mengetahui batasan bahawa tidak semua masalah perlu dan boleh diselesaikan hanya dalam satu penyelidikan sahaja. Oleh itu, batasan kajian ini hanya tertumpu kepada aspek adat perpatih dilokasi Kuala Pilah, Negeri Sembilan sahaja tidak meliputi kawasan atau daerah lain di Negeri Sembilan.

Dalam kajian ini menerangkan dengan lebih terperinci mengenai sejarah dan beberapa jenis adat perpatih yang diamalkan di Kuala Pilah. Misalnya, kajian ini dapat menerangkan kesahihan tentang adat perpatih yang dibawa oleh masyarakat Sumatera Indonesia di tanah Melayu.

Selain itu, batasan kajian ini menumpukan kepada jenis-jenis adat yang diamalkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seperti adat dalam perkahwinan yang dilaksanakan dalam Negeri Sembilan.

1.9 Definisi Terminologi

1.9.1 Istiadat

Menurut kamus Dewan edisi keempat 2017 definisi istiadat adalah satu peraturan atau cara-cara yang menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan masyarakat yang dijadikan sebagai peraturan yang harus dipatuhi.

Pengertian mengenai istiadat mempunyai kaitan dengan adat. Menurut Haron Daud, 1989 mempunyai pendapat bahawa istiadat adalah perkara yang meliputi segala aturan negeri dan peraturan yang harus diikuti dalam sesuatu upacara atau majlis. Meskipun istiadat adalah peraturan yang harus diikuti tetapi ia tetap berbeza dengan undang-undang kerana tidak melibatkan hukuman dan denda di dalam sebuah negara tersebut. Terdapat istiadat seperti perkahwinan, melenggang perut, menyambut kelahiran anak atau bertindik dan berkhatan maka ia adalah istiadat atau upacara yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat dan etnik tertentu.

1.9.2 Adat

Menurut Helmi Effendy, 2017, membawa maksud adat adalah peraturan hidup sehari-harian dalam sesebuah masyarakat yang menjadi pegangan yang kukuh. Perkara yang terkandung dalam adat adalah seperti nilai-nilai kebudayaan, norma, hukum adat yang secara lazimnya hanya diguna pakai di kawasan atau daerah sendiri. Hukum adat ini telah sebatu dalam kehidupan masyarakat kerana telah lama wujud dalam kehidupan masyarakat kerana dengan adanya informasi yang disampaikan dari generasi ke generasi dalam cara bertulis mahupun lisan. Menurut Jalaluddin Tunsam, 1660, perkataan adat ini berasal daripada Bahasa Arab yang bererti cara atau kebiasaan. Penjelasan makna ini adalah tidak begitu mendalam dan

tidak juga begitu terbatas. Setiap dari suku bangsa dan etnik masing-masing mempunyai adat dan cara untuk memahami adat yang telah diwarisi dari segak generasi ke generasi.

1.9.3 Perkahwinan

Menurut H. Idris Ahmad, 1983, perkahwinan atau nikah yang membaca pengertian berkumpul dan bercampur. Manakala, menurut istilah syarak pula perkahwinan adalah satu hubungan yang dimulakan dengan Ijab dan Qabul ('aqad) iaitu satu cara yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan. Setiap perkhawinan akan dimulakan dengan pengikatan tali pertunangan atau bertunang antara pihak lelaki dan perempuan yang akan melangsungkan perkahwinan. Persetujuan untuk melaksanakan perkahwinan akan dibincangkan dalam masa pertunangan ini untuk menentukan tarikh perkahwinan dan sebagainya.

1.9.4 Ibu Soko

Ibu Soko merupakan satu istilah khas yang diberikan kepada seseorang wanita di Negeri Sembilan yang mahir dalam dalam pelbagai perkara khususnya perkara yang berkaitan dengan adat. Ibu soko juga merupakan seorang wanita yang mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal adat, sosial, ekonomi serta dalam bidang politik. Ibu soko juga terlibat secara langsung dalam melaksanakan tanggungjawab dalam meneruskan jurai keturunan kerana amat penting untuk ahli masyarakat dan kelompok keluarganya (Amran Yahya, 2020)

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapati adat perpatih yang diamalkan di beberapa daerah terdapat keunikan masing-masing yang menjadi peraturan dan undang-undang untuk memenuhi tuntutan semasa. Di Negeri Sembilan terkenal dengan ayat ***Biar mati anak jangan mati adat*** yang merupakan pegangan yang memandang tinggi terhadap adat (Makiah Tussaripah Jamil, 2012). Oleh itu, dalam mendapatkan maklumat ini haruslah dijalankan kaedah yang bersesuaian agar maklumat tersebut sah. Penyelidik akan memastikan secara khususnya kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang betul seperti yang telah digariskan bagi mendapatkan maklumat yang sah.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian atau kajian literature merupakan kajian tentang penyataan fakta yang menyokong sesuatu objektif. Tujuan sorotan kajian ini adalah untuk memberikan asas teori kepada penyelidikan seterusnya. Berikut adalah beberapa kajian yang berlainan telah dikaji untuk mendapatkan teori pelaksanaan yang berkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan. Sorotan kajian ini dilaksanakan dengan penelitian berdasarkan beberapa bahan rujukan yang bercetak seperti jurnal, buku, artikel, tesis, surat atau temu bual daripada pakar.

Terdapat beberapa kajian literature telah dijalankan melalui laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan iaitu “Keistimewaan Perkahwinan Adat Perpatih Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan”.

2.2 Latar Belakang Sejarah dan Masyarakat Negeri Sembilan

Dalam kajian ini menerangkan bagaimanakah Negeri Sembilan terbentuk daripada beberapa buah luak atau daerah yang telah digabungkan lalu dijadikan negeri Sembilan. Terdapat juga keluasan wilayah Negeri Sembilan ini dinyatakan iaitu sepanjang 6,645 km dan kepanjangan pantai iaitu 43 km. Negeri Sembilan ini berada dikawasan beriklim khatulistiwa iaitu panas dan lembab sepanjang tahun (Ooi Jin Bee, 19667).

Negeri Sembilan ini telah dijadikan sebagai satu unit politik pada tahun 1773 seorang putera dari Minangkabau yang berada di Pagar Ruyong telah dijemput dan menjadi pemerintah dengan gelaran Yam Tuan. Bagaimanapun telah berlaku satu perebutan tahta dan perpecahan antara Negeri Sembilan antara Tunku Antah dengan Tunku Ahmad Tunggal yang telah menyebabkan berlakunya huru-hara di Rembau (R. J. Wilkinson, 1971).

2.3 Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam

Dalam kumpulan masyarakat melayu yang menetap di Kuala Pilah, terdapat masyarakat yang masih mengamalkan Adat Perpatih ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu organisasi masyarakat pengamal adat perpatih ini terbahagi kepada Perut, Suku, dan Luak. Menurut kajian perut merupakan satu kumpulan sosia-politik yang paling kecil dalam suku dan anggota perut ini berasal dari keturunan perempuan (moyang) yang sama. Perut ini menekankan anggota haruslah daripada keluarga yang mempunyai sedarah nisab ibu dan juga beberapa anggota yang memperolehi saudara bagi sesuatu perut (Mohd Rosli, 2011).

Manakala, suku adalah satu kumpulan yang membentuk satu unit kekeluargaan yang dibandingkan lebih besar daripada perut, suku juga dipercayai daripada keturunan yang sama cuma mempunyai susur galur yang jauh. Hubungan suku ini telah melarang daripada berlakunya perkahwinan sesama suku yang akan menyebabkan berlakunya untuk pihak perempuan tidak dapat menerima harta pusaka dan lelaki tidak dapat menjawat jawatan sebagai mana-mana pegawai adat. Terdapat sebanyak 12 jenis suku yang terdapat dalam Adat Perpatih.

Untuk luak pula, adalah unit kawasan pentadbiran dari segi adat. Terdapat beberapa luak utama iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Joholo yang diketuai oleh undang yang empat. Luak lain seperti Luak Tanah Mengandung dan setiap luak yang kecil diketuai oleh Penghulu Luak.

2.4 Adat Perpatih Berpandukan Syariah

Menurut Muhammad Aunurrochim, et al., 2016 berkata dalam aspek perkahwinan, Adat Perpatih mengamalkan sistem ekosogami di mana perkahwinan sesama suku tidak dibenarkan. Sebaliknya perkahwinan harus dilangsungkan daripada suku yang berlainan. Hal ini kerana, di antara sebab perkahwinan sesama suku tidak dibenarkan ialah mereka beranggapan bahawa perkahwinan sesama suku ini tidak dapat mengembangkan keturunan yang sedia ada.

2.5 Amalan Perkahwinan Mengikut Adat Perpatih

Perkahwinan bagi Adat perpatih adalah berlainan dibandingkan dengan cara perkahwinan Adat Temenggung. Perkahwinan ini adalah berdasarkan kepada sistem eksogami, iaitu sistem adat yang melarang perkahwinan antara sesama suku. Hal ini kerana, barangsiapa yang melanggar hukum perkahwinan adat akan hilang hak waris perempuan tersebut untuk mewarisi harta warisan mengikut Adat Perpatih, kerana mereka dari suku yang sama dianggap bersaudara dan perkahwinan antara adik-beradik manakala perkahwinan antara dua suku yang berlainan pula dapat mengeratkan hubungan antara dua suku atau perut.

Adat istiadat perkahwinan ini juga disebut sebagai adat semendamenyemenda yang merupakan satu upacara yang memulakan hubungan kekeluargaan (inisiasi) yang penting dalam lingkaran hidup seorang individu dan keluarganya. Daripada awal sehingga upacara ini mestilah mengikut saluran adat baik dari segi kombinasi satu persatu adat istiadat seperti ketatertiban sistem perkahwinannya mahupun peranan yang dipikul bersama oleh masyarakat untuk menjayakan majlis tersebut. Semua Lembaga, Buapak, Besar dan Kadim serta semenda dan seadat atau tempat semnda nan seresam dengan kuasa pengendaliannya berganding bahu dalam menyumbangkan tenaga dan menghulurkan bantuan sekadar yang upaya bagi menjayakan majlis perkahwinan tersebut (Norhalim Hj. Ibrahim, 1994).

2.6 Ulasan Parr dan Mackray Mengenai Perkahwinan di Rembau

Menurut Parr dan Mackray telah mengenal pasti beberapa amalan Adat Perpatih dalam hal ehwal perkahwinan yang bertentangan dengan hukum syarak. Antara perkara yang bertentangan dengan hukum syarak adalah seperti perwalian, perempuan-perempuan yang haram dipinang, mas kahwin, pemilikan harta dalam perkhawinan dan poligami. Menurut kajian yang dilakukan oleh Parr dan Mackray, mereka mendakwa bahawa wali nasab dalam Adat Perpatih hanya terbatas kepada bapa dan atuk sahaja.

Meskipun, Rembau merupakan satu luak yang mengamalkan hukum syarak berasaskan mazhab ahli *Sunnah wal-Jamaah*, namun mereka menganggap dan mendakwa konsep pewalian nikah yang diamalkan oleh Adat Perpatih bertentangan dengan hukum syarak. Hal ini kerana, amalan pewalian di kawasan yang mengamalkan Adat Temenggung tidak terbatas kepada bapa dan datuk sahaja ia boleh kepada adik beradik lelaki dan bapa saudara (sebelah bapa) yang termasuk dalam senarai wali.

2.7 Pandangan Syarak Terhadap Keluarga Mengikut Adat Perpatih

Mengikut tinjauan secara syarak dan ringkas walaupun Adat Perpatih lebih mengutamakan dalam garis keturunan dalam susur galur (nasab) daripada sebelah ibu dan berbeza dengan amalan adat Temnggung yang lebih mengutamakan susur galur nasab daripada lelaki (bapa), namun ianya masih boleh diterima kerana syarak tidak meletakkan hukum tertentu bagi susur galur ini. Sistem ini juga dianggap tidak bercanggah dengan asas ajaran Islam. Malahan ia menyokong dan menguatkan ajaran Islam itu sendiri, dengan mengutamakan kedudukan pihak perempuan dengan tujuan

untuk memerliharanya daripada segala keburukan dan perkara yang negatif (Ahmad Ubayd, 1985).

Begitu juga dengan amalan berkahwin untuk bertujuan bagi memperbesarkan sebuah ikatan kekeluargaan dan persaudaraan dengan masyarakat dari luar suku dan mendapatkan zuriat yang berketurunan baik. Hal ini kerana, amalan tersebut adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam malah ianya digalakkan dalam beberapa riwayat seperti: “Berjauhanlah dalam berkahwin dan memilih pasangan” (Imam Al-Ghazali, 2008). Dalam majlis perkahwinan Adat Istiadat Perpatih ini juga dapat disaksikan semangat membantu dan tolong-menolong dalam menguruskan majlis yang merupakan tanggungjawab semua masyarakat adat dan dipikul bersama.

2.8 Perkahwinan Sumbang

Menurut Norhalim Hj Ibrahim menyatakan dalam masyarakat Adat Perpatih ini melarang perkahwinan sesama suku atau diistilahkan sebagai sumbang melintang dan larangan perkahwinan antara saudara pupu selari. Hal ini kerana, adat mengistilahkan perbutan sumbang balai melintang adalah sebagai sumbang sewaris. Namun dalam hal ini telah berlaku perubahan kerana populasi pertambahan penduduk semakin pesat di sesetengah tempat dan sesetengah suku yang membolehkan perkahwinan berlaku tetapi masih terdapat larangan iaitu perkahwinan seperut.

Perkahwinan seperut ini dikenali sebagai sumbang sekedim dan masih kekal sebagai larangan eksogami yang terkecil. Seterusnya perkahwinan pupu selari terbahagi kepada dua bahagian iaitu pupu selari belah ibu dan pupu selari sebelah

ayah. Kategori pupu selari ini adalah larangan paling utama dalam perkahwinan kerana pasangan itu menganggotai satu suku yang sama yang dianggap sebagai ahli keluarga sendiri atau adik-beradik.

2.9 Larangan Melakukan Poligami Dengan Perempuan Sesuku

Terdapat juga, larangan lain seperti larangan bagi seorang lelaki untuk berkahwin dengan dua orang wanita atau lebih dari suku yang sama kecuali jika isteri meninggal dunia maka suami diizinkan untuk berkahwin dengan wanita dari suku yang sama dan mereka digalakkan untuk menikahi saudara perempuan arwah isterinya. Perkahwinan ini dikenali sebagai ganti tikar tetapi hal ini berlaku sebaliknya jika suami yang meninggal, si isteri tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan adik suaminya (1997: 9).

2.10 Penceraian Dalam Adat Perpatih

Jika berlakunya penceraian antara pasangan disebabkan oleh ketidak serasian, pasangan tersebut akan dipanggil untuk melakukan rundingan bersana keluarga isteri dan buapak. Buapak akan menjalankan rundingan tersebut dengan mendengar hujahan dari kedua belah pihak bagi mendapatkan penyelesaian. Hal ini kerana, semasa berkahwin pihak lelaki akan dijemput dengan tapak sireh jadi bukan mudah untuk menyuruhnya turun dari rumah isterinya kerana 'hutang dibayar, piutang diteruma'. Lafaz talak ini akan dibuat di hadapan tempat semenda atau didepan buapak tetapi kini ia perlulah dibuat di hadapan dan kebenaran makhamah syariah (Noor Aziah Haji Mohd Awal 2005).

2.11 Pandangan Syarak Mengenai Perkahwinan antara Kerabat

Tidak terdapat sebarang nas al-Quran dan hadis yang melrang perkahwinan antara kerabat atau sesama suku. Hal ini menunjukkan tidak ada sebarang larangan dari segi hukum syarak bagi melakukan perkahwinan diantara kerabat atau satu suku yang sama. Namun begitu, berlakunya perbincangan diantara para sahabat dan fuqaha bagi menggalakkan perkahwinan dengan orang yang berasal dari berlainan suku yang tidak mempunyai hubungan antara kerabat atau satu dari suku yang sama. Hal ini juga ada diriwayatkan oleh Umar RA bahawa dia menggalakkan untuk berkahwin dengan orang yang jauh demi melahirkan zuriat yang kuat (Ibnu Hajar al-Asqalani 1997).

2.12 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah merupakan satu bahagian di dalam kajian yang penting untuk meneliti kajian-kajian lepas oleh pengkaji terdahulu. Sorotan kajian lepas ini adalah bertujuan untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan menjadi sebagai satu bahan rujukan yang penting kepada pengkaji untuk menyokong dapatan hasil kajian daripada penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

Fungsi sorotan kajian ini adalah dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai objektif, persoalan, skop kajian dan metodologi kajian yang telah digunakan oleh para pengkaji lepas dalam menyelesaikan masalah kajian mereka dan mendapatkan maklumat dengan lebih jelas. Sorotan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan penanda arah untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang akan menyelesaikan masalah kajian penyelidikan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan


Metodologi kajian adalah salah satu ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kaedah kajian. Metodologi kajian ini juga merupakan sebahagian daripada bahagian yang penting dalam sebuah penyelidikan dan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat.

Penyelidikan dan kajian ini juga menggunakan kaedah kajian yang dapat membantu pengkaji bagi menjalankan kajian pada masa akan datang. Sumber data yang diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi adalah daripada method yang digunakan adalah bersesuaian menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010). Cara pendekatan penyelidikan ini perlu bersesuaian mengikut data sama ada melalui pendekatan kuantitatif mahupun pendekatan kuanlitatif yang menjawab persoalan dan objektif kajian.

Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua adalah kuantitatif yang bermaksud dapatan kajian yang berkaitan dengan kuantiti dan analisis yang dijalankan oleh pengkaji. Proses kuantitatif ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang kebiasaannya akan diperolehi melalui proses yang menjadi alat pengukur seperti borang soal selidik.

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kuanlitatif yang menggunakan dan melibatkan pelbagai kaedah kajian yang menfokuskan data yang akan diperolehi oleh Denzin dan Lincoln (1994). Berdasarkan kaedah kajian ini, maklumat serta datadata

yang dikumpulkan adalah sangat bergantung kepada jenis kaedah yang digunakan semasa mengumpulkan data agar maklumat dan data yang dikumpulkan dapat menghasilkan sebuah penyelidikan yang berkualiti. Oleh sebab itu, berdasarkan kajian ini dan di bawah topik ini pengkaji akan telah mengenal pasti pelbagai kaedahkaedah yang digunakan dalam usaha untuk menjawab persoalan yang berkaitan dan melengkapkan kajian ini.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Carta alir metodologi kajian (Rajah 3.1) ini penting adalah suatu perkara yang penting sebagai panduan untuk pengkaji dalam menghasilkan projek penyelidikan secara lebih teratur dan lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana, carta alir ini berfungsi sebagai rujukan agar dapat memudahkan urusan pengkaji dalam mendapatkan aturan maklumat dan teratur dalam melaksanakan projek penyelidikan akhir secara lengkap. Setiap aliran dalam carta ini akan membantu pengkaji untuk membuat

perancangan yang teratur membantu dalam penyelidikan untuk mencapai objektif kajian yang ingin dicapai.

3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan ini dilaksanakan adalah bagi mendapatkan maklumat dan jawapan kepada objektif dan persoalan kajian yang dikaji. Terdapat dua sumber yang terlibat dalam kaedah pengumpulan data kajian iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Maksud sumber primer adalah sumber yang asli dalam penemuan baru yang boleh diterbitkan atau tidak diterbitkan selain sumber yang diperolehi tidak ditokok tambah oleh maklumat yang salah.

Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer merupakan sumber yang asli tanpa tokok tambah daripada apa-apa sumber dan sumber kedua pula adalah sumber yang dapat dikaji daripada sumber rujukan seperti pembacaan buku mahupun karyawan daripada ahli sejarawan, manakala sumber sekunder pula adalah sumber maklumat yang diperolehi daripada bahan bacaan seperti internet dan jurnal (Syed Ismail, 2010).

Kaedah sekunder juga diperolehi daripada tulisan-tulisan artikel, dan bukubuku yang berkaitan dengan mengkuang dan produk yang dihasilkan daripada laman sesawang dan web. Sumber tertier pula, maklumat dan data-data diperolehi dari responden yang diberikan borang soal selidik yang berkaitan mengenai kajian dilaksanakan. Kaedah ini membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang sukar untuk didapati melalui kaedah lain.

No	Objektif Kajian	Rekabentuk kajian
1	Mengenal pasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih	Temubual dan Analisis Dokumen
2	Mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih	Temubual dan Analisis Dokumen
3	Mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama	Temubual

Jadual 3.1: Rekabentuk Kajian

Kaedah rekabentuk dalam jadual 3.1 dapat membimbing pengkaji menjalankan kajian untuk mencapai kejayaan dalam memenuhi setiap persoalan dalam objektif yang ingin dicapai. Pada objektif yang pertama pengkaji menggunakan kaedah seperti temubual dan analisis dokumen bagi mengenal pasti ciri-ciri perkahwinan yang diamalkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dalam Adat Perpatih.

Kaedah untuk objektif yang kedua iaitu mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih dan ketiga iaitu mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama terdapat masyarakat adalah kaedah temu bual untuk mencapai objektif tersebut. Kaedah rekabentuk kajian ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat yang membantu pengkaji mencapai tujuan penyelidikan ini dijalankan.

3.2.1 Catatan

Kaedah catatan ini pengkaji gunakan ketika melakukan kaedah pemerhatian. Kaedah ini penting untuk mencatat segala maklumat yang dapat dilihat dan dikenalpasti dari segi ciri-ciri perkahwinan dan tata tertib yang dilakukan ketika perkahwinan. Catatan maklumat yang diperolehi dapat membantu pengkaji dalam memudahkan urusan penyelidikan dijalankan. Kaedah catatan ini penting dalam penghasilan penulisan laporan akhir kajian dan kaedah ini digunakan semasa kaedah temubual dilaksanakan.

3.2.2 Rakaman Foto

Kaedah seperti rakaman foto juga penting sebagai bukti kajian itu dijalankan. Peranti yang digunakan dalam kaedah ini adalah pengguna telefon pintar untuk memudahkan proses penyimpanan maklumat itu dilakukan. Kaedah rekabentuk kajian rakaman foto ini dilaksanakan agar pengkaji tidak terlepas apa-apa maklumat yang penting dan sebagai simpanan jika maklumat melalui kaedah catatan hilang atau rosak ketika menjalankan kajian dan melaksanakan laporan akhir. Foto yang diambil juga akan dijadikan sebagai bukti dan rujukan dan disertakan dibahagian lampiran pada akhir laporan.

3.2.3 Temubual

Kaedah rekabentuk seterusnya adalah kaedah temubual yang digunakan oleh pengkaji. Kaedah rekabentuk kajian ini dipilih dan digunakan dalam kajian ini kerana, pengkaji pada mulanya akan menanyakan beberapa pertanyaan yang telah disediakan dan disusun rapi oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat. Data lisan boleh digunakan sebagai satu sumber data kepada kajian.

Namun begitu, data lisan ini bukan lah satu fakta yang boleh dianggap benar semuanya kerana data lisan ini adalah cerita atau maklumat yang diturunkan secara turun temurun dari generasi kepada generasi lain terdapat juga beberapa jenis temu bual yang dapat membantu untuk mendapatkan maklumat. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapat maklumat daripada ibu soko yang berada di Kuala Pilah untuk mendapatkan maklumat berkaitan adat perkahwinan di Kuala Pilah.

Kaedah temu bual ini, merupakan salah satu kaedah yang penting untuk mendapatkan informasi. Kaedah temu bual ini memerlukan pengkaji untuk berinteraksi dengan responden, iaitu Ibu Soko dan Penghulu Luak. Maklumat dan data yang diperolehi dari kaedah temu bual ini dapat memperkukuhkan lagi data dan maklumat yang diperolehi dari kaedah borang soal selidik. Temu bual yang dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri pekahwinan dalam adat Perpatih di kawasan Kuala Pilah, negeri Sembilan. Pengkaji mengadakan temu janji dengan 2 orang responden yang merupakan ibu soko, dan guru bagi mendapatkan

dengan lebih jelas mengenai ciri-ciri perkahwinan mengikut Istiadat Adat Perpatih.

3.2.4 Analisis Dokumen

Data bertulis pula adalah data-data dalam bentuk tulisan daripada bahan bercetak seperti inskripsi, tulisan, jurnal, majalah, akhbar atau bukubuku. Kajian ini menggunakan data bertulis sebagai rujukan dalam menjalankan kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Sebahagian daripada kajian ini adalah maklumat dan data yang diperolehi daripada data bertulis. Pengkaji telah mengumpulkan data daripada jurnal dan keratan akhbar yang mempunyai kaitan dengan adat perpatih, suku kaum di negeri Sembilan.

Setelah maklumat atau data telah diperolehi melalui kaedah methodologi yang dipilih, kaedah seterusnya adalah dengan penelitian dokumen bagi mendapatkan maklumat yang boleh mengukuhkan lagi fakta atau maklumat yang telah diperolehi. Hal ini kerana, kaedah ini merupakan satu kaedah atau teknik yang secara khususnya untuk methodologi yang digunakan iaitu kajian kualitatif oleh Creswell (2009).

Melalui kaedah kajian ini, pengkaji perlu dilakukan setelah mendapatkan bahan rujukan, data serta maklumat yang diperlukan yang berkaitan dengan objektif pengkaji dalam projek penyelidikan. Analisis dokumen adalah untuk mengetahui sejarah subjek yang dikaji oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan kukuh. Terdapat beberapa jenis dokumen yang dianalisis adalah seperti (*Sejarah pengamalan adat perpatih di negeri sembilan*), Sistem Perkahwinan Adat Di Negeri sembilan dan beberapa lagi dokumen yang dianalisis.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah sangat penting sebagai alat yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data ketika menjalankan kajian. Instrumen kajian ini adalah sebagai satu kaedah yang asas untuk memperolehi data bagi mencapai segala persoalan dan objektif yang dikehendaki oleh pengkaji. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk sentiasa fokus dan memudahkan proses pengumpulan data dijalankan. Antara keadah yang digunakan adalah kaedah temubual dan rakaman foto, iaitu kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif oleh pengkaji.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Prosedur pungutan data adalah langkah atau proses yang utama perlu dilaksanakan sebelum pengkaji memulakan menjalankan kajian di kawasan kajian. Langkah utama untuk melaksanakan kajian adalah mendapatkan surat kebenaran dari pihak fakulti terlebih dahulu sebelum menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji juga mendapatkan dokumen-dokumen iaitu jurnal dan artikel-artikel untuk mendapatkan data tambahan dan gambaran awal mengenai kajian yang dilaksanakan. Penglibatan responden juga adalah salah satu prosedur untuk mendapatkan data dengan mendapatkan terlebih dahulu persetujuan dan keizinan sebelum proses temubual dan rakaman foto dilaksanakan. Responden ini diberikan kebebasan dalam menentukan tarikh, waktu dan tempat untuk melaksanakan proses temubual tanpa terdapat gangguan antara pihak responden dan pihak pengkaji. Setiap temubual yang dijalankan akan dicatat data dan maklumat yang didapati dan pengkaji juga menjelaskan objektif kajian ini dilaksanakan kepada responden iaitu kajian ini adalah berkaitan dengan adat perkahwinan dalam Adat Perpatih bagi masyarakat yang tinggal di kawasan Kuala Pilah. Kajian ini juga, berfungsi untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat

bahawa betapa pentingnya pemeliharaan warisan Adat Perpatih ini kepada masyarakat dan negara selain menjadi satu adat yang unik dapat menarik masyarakat untuk mengetahui dan mendalaminya.

3.5 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil yang dapat dijangkakan dalam kajian penyelidikan ini adalah pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai satu bahan rujukan yang dapat membantu para penyelidik dan para pelajar yang akan datang yang membuat kajian mengenai Adat Perpatih dan nilai-nilai sejarah di Negeri Sembilan. Jangkaan untuk dapatan kajian ini agar dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan mempelajari warisan sejarah Adat Perpatih yang menjadi pegangan dari semenjak dahulu kala oleh penduduk dan masyarakat di kawasan Negeri Sembilan yang mempunyai bahagian-bahagian tertentu.

Kajian ini juga menyenaraikan ciri-ciri perkahwinan, tata tertib dan akibat yang berlaku jika belakunya perkahwinan sesama suku oleh masyarakat Negeri Sembilan yang dapat dihuraikan lagi dengan lebih mendalam dan teratur. Seterusnya, dalam hasil dapatan kajian penyelidikan ini mempunyai secara jelas mengenai gambaran ciri-ciri dan tata tertib mengenai perkahwinan Adat Perpatih yang masih diamalkan sehingga kini.

MALAYSIA

KELANTAN

3.6 Penutup

Kesimpulanya, kaedah-kaedah metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik amat membantu untuk mendapatkan maklumat dan melengkapkan kajian ini. Pengkaji telah mendapatkan pelbagai sumber dan maklumat yang berilmiah untuk menyiapkan tugas berdasarkan garis panduan metodologi yang ditetapkan. Masyarakat mengenali adat ini melalui adat perkahwinan meskipun banyak unsur tradisi telah hilang dan hilangnya sikap sopan santun dan amalan gotong-royong dalam masyarakat dan sebagainya lagi.

Kaedah metodologi yang dijalankan adalah dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian dan amat penting untuk pengkaji dapat memperincikan hasil kajian dan maklumat-maklumat yang menjadi keutamaan dalam menyiapkan kajian ini. Sekiranya, kajian ini tidak mempunyai kaedah yang betul dan teliti, pengkaji tidak akan mempunyai maklumat yang tepat dan menjawab kepada persoalan dan objektif kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab 4 ini merupakan bahagian yang merungkai dan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji yang berdasarkan objektif kajian serta berdasarkan tajuk yang dipilih, pengkaji akan mencatatkan atau merekodkan data-data yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti yang telah dicatatkan dalam bab 3. Bab dapatan kajian ini penting dalam setiap projek penyelidikan kerana akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang terdahulu yang dinyatakan. Melalui bab ini juga, semua data atau hasil kajian akan direkodkan berdasarkan hasil kajian yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu “Warisan Budaya Perkahwinan Adat Perpatih, Kuala Pilah, Negeri Sembilan”.

Dalam analisis dan dapatan kajian, seramai tiga orang responden telah ditemubual untuk pengumpulan data yang tepat untuk kajian. Semua data yang diperolehi akan dianalisis dan diproses bagi mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif kajian. Selain itu, dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui jurnal-jurnal, laman sosial berkaitan adat perkahwinan masyarakat yang masih mengamalkan adat perpatih bagi mencapai objektif kajian.

Bil	Nama Responden	Jawatan	Tarikh Temu Bual
1.	Cikgu Mazmon	Guru	24 / 11 / 2021
2.	Hjh Sharipah Adam	Ibu Soko	24 / 11 / 2021
3.	En. Sharif L. Yahya	Ketua Kampung	22 / 11 /2021

Jadual 4.1 Nama-Nama Responden Yang Ditemubual Pengkaji



Rajah 4.1 Gambar Merisik

Sumber: Internet

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Mengenalpasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih

Berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, terdapat beberapa ciri-ciri yang dapat dikenalpasti dalam perkahwinan yang mengikut Adat Perpatih yang diwarisi sejak turun temurun. Berdasarkan maklumat daripada responden-reponden yang telah ditemu bual. Antara keindahan budaya perkahwinan adat perpatih di negeri Sembilan adalah ciri-ciri yang pertama dalam adat Perkahwinan ini adalah merisik atau meninjau. Biasanya dilaksanakan oleh keluarga pihak lelaki, khususnya ibu bapa dan ibu bapa belah pihak wanita. Majlis merisik ini dimeriahkan dengan adanya perpatah pertitih atau pantun yang merupakan kaedah lisan yang digunakan dalam menyampaikan hajat pihak lelaki untuk merisik atau menyuting anak gadis. Perpatah perpitih ini adalah perhubungan yang melibatkan nasihat, peraturan.

Ketika majlis pertunangan dilangsungkan dan hantaran yang dibawa sekali adalah tepak sirih atau sirih jungjung, sebentuk cincin, bunga rampai, kuih muih, dan pakaian yang dijadikan barang hantaran ketika pertunangan berlangsung. Cara permaknaan yang dikenakan oleh pihak pengantin adalah berpakaian adat tetapi pada masa kini, akibat daripada perubahan zaman pihak pengantin lebih memilih untuk mengenakan pakaian modern atas persetujuan orang-orang lama. Perbezaan yang terdapat dalam perkahwinan adat dan perkahwinan temenggung adalah perkahwinan adat terikat dengan adat yang sangat teratur dan masih diamalkan oleh pemegang adat Perpatih. Jenis perkahwinan yang terdapat dalam adat perpatih ini adalah seperti, olek undang, olek lembanga, olek buapak dan olek biasa setiap olek atau adat perkahwinan ini adalah rumit.

Terdapat dua jenis bentuk ciri-ciri perkahwinan yang terdapat di negeri Sembilan iaitu perkahwinan biasa dan perkahwinan tidak lazim. Bagi perkahwinan biasa adalah perkahwinan yang berkonsepkan mengikut atur cara adat istiadat perkahwinan yang ditetapkan. Dalam struktur adat perkahwinan ini yang bermula daripada upacara merisik atau lebih dikenali sebagai *risik nan duai* atau *risik andai*. Seterusnya diikuti dengan adat menghantar *cincin Tanya* dan kemudian adat *pinang meminang* arau adat *menghantar tanda* oleh pihak lelaki dan *adat menerima tanda* oleh pihak perempuan. Selepas itu, akan diadakan *hari langsung* atau dikenali sebagai *hari olek* yang termasuklah upacara akad nikah, bertandang atau menyalang dan *menikam jejak* atau *tempuh jejak*. Akhir adat dengan *adat menyalang* yang memerlukan pihak pengantin untuk berkunjung ke rumah saudara-mara kedua-dua belah pihak.

Bagi perkahwinan tidak lazim pula, iaitu perkahwinan yang berlangsung tanpa mengikut peraturan adat iaitu bermula daripada proses merisik sehingga ke adat tunjuk beri. Hal ini kerana, segala aturcara perkahwinan adalah ringkas dilaksanakan tanpa ada sebarang upacara atau pesta. Terdapat nama lain untuk perkahwinan ini seperti *perkahwinan orang berada* atau sebagai *perkahwinan orang berani* kerana perkahwinan ini tidak mengikut adat peraturan dan ia dibolehkan dalam lembaga Adat Perpatih. Perkahwinan tidak lazim ini juga terbahagi kepada enam jenis iaitu, nikah terkurung di dalam atau nikah terkurung sahaja, nikah serah-menyerah atau dikenali sebagai menyerah, merumah, merebut rampas, adat mendapat dan adat beli laki.

4.3 Mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih

Berdasarkan kajian perkara yang berlaku sebelum, semasa dan selepas perkahwinan adat perpatih ini adalah yang pertama adalah adat berkedim ia merupakan salah satu adat yang perlu dilaksanakan oleh orang atau masyarakat adat lain yang ingin menikahi atau berkahwin dengan wanita dari orang yang mengamalkan adat pepatih. Upacara adat berkedim ini dilaksanakan sebelum pihak lelaki datang merisik wanita, adat berkedim ini adalah satu peraturan yang membenarkan orang luar untuk berkahwin dengan gadis yang berada dalam sesuatu suku. Upacara ini untuk mengiktirafkan orang luar menjadi salah seorang dari suku dalam masyarakat Adat Perpatih, upacara ini dibantu oleh Buapak. Adat yang kedua adalah adat merisik.

Bagi masyarakat Kuala Pilah, kebiasaan untuk adat merisik ini akan diberikan amanat oleh kedua ibu bapa kepada orang yang dipercayai untuk dilantik sebagai wakil kepada pihak lelaki untuk merisik wanita yang diinginkan bagi dijadikan sebagai isteri. Pada majlis merisik ini akan berlansung dengan berlakunya perpatih pertitih oleh kedua belah pihak untuk menyampaikan hajat oleh pihak lelaki dan mendapatkan maklumat sama ada gadis yang dirisik itu sudah mempunyai atau tidak. Setelah acara merisik telah berlangsung dan mendapatkan kata putus dari pihak perempuan majlis pertunangan akan diatitkan untuk menghantar cincin tanda daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan dan dilakukan dengan tertib dan penuh adat. Semasa adat pertunangan, dilaksanakan majlis kenduri juga diadakan bersempena dengan pertunangan yang berlangsung di rumah pihak perempuan.

Terdapat beberapa jenis hantaran yang dibawa ketika majlis pertunangan adalah seperti tepak sirih atau sirih jungjung sebagai hantaran utama, sebetuk cincin yang diletakkan di dalam jambul yang beralaskan baldu dan hantaran lain seperti bunga rampai, kuih-muih dan pakaian persalinan yang diserahkan kepada pihak perempuan. Majlis

pertunangan ini diwakili oleh ketua Kadin dan tok adat setempat. Semasa perbincangan ini kedua belah pihak akan membincangkan mengenai perbelanjaan perkahwinan, tempoh pertunangan dan mencapai kata sepakat, setelah selesai perbincangan pihak perempuan akan meneliti cincin yang diberikan sebelum diserahkan kepada bakal pengantin. Sementara perempuan pihak bakal pengantin meneliti cincin, cincin yang diserahkan akan disarungkan kepada jari gadis pilihan oleh orang semenda atau ibu, rombongan pihak lelaki pula akan makan daun sirih yang merupakan suatu kemestian bagi masyarakat.

Seterusnya adalah adat berkampung atau dikenali sebagai adat kerapatan iaitu majlis berkumpul bagi membincangkan hal ehwal perkahwinan dan pembahagian tugas semasa majlis perkahwinan. Adat berkampung ini diadakah dalam tempoh sebulan atau dua bulan dari tempoh perkahwinan berlangsung adat ini diketuai oleh Buapak. Adat semasa majlis perkahwinan berlangsung akan terdapat adat persandingan dan adat bertandang bagi adat persandingan ini terdapat satu upacara atau majlis untuk meraikan pasangan pengantin yang baru sahaja dijabkabulkan, istiadat yang selalu dijalankan adalah isitiada tepung tawar dan berinai besar. Semasa adat ini pihak wanita menjemput pihak pengantin lelaki untuk menaiki tandu untuk menuju ke tempat persandingan atau pelamin.

Selain itu, adalah istiadat bertandang satu majlis untuk pihak pengantin perempuan yang akan datang ke rumah pengantin lelaki ketika majlis bertandang ini pihak perempuan perlu membawa buah tangan kepada keluarga atau sanak saudara belah lelaki. Semasa istiadat bertandang ini terdapat juga adat pangkasan adalah satu sumbangan yang berbentuk wang yang diberikan kepada pihak pengantin perempuan yang datang berkunjung kerumah-rumah saudara-mara belah lelaki. Adat perkahwinan yang terakhir. Selepas perkahwinan pihak lelaki tidak akan pulang kerumah ibu bapanya tetapi akan duduk dirumah pengantin perempuan.

4.3 Mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama

Menurut kajian yang dilakukan berdasarkan maklum balas responden adalah antara kesan perkahwinan antara suku yang sama adalah hak untuk mewarisi harta pusaka bagi kaum akan hilang atau pihak perempuan tidak boleh menerima atau mewarisi harta pusaka yang diturunkan melalui jalur disebelah ibu. Manakala, bagi pihak lelaki pula hilang hak untuk menjawat sesuatu jawatan di dalam pejabat adat. Terdapat cara yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kembali hak dan pusaka mereka di dalam adat adalah dengan menjalankan adat permuliharaan pusaka. Perkahwinan antara sesama suku ini tidak dibenarkan kerana dikhuatiri musibah menimpa pasangan tersebut di kemudian hari. Manakala dari sudut syariat Islam, nikah sesama suku ini dibolehkan dengan bukan mahram yang tiada pertalian darah.

Terdapat juga daripada sudut lain mengikut pendapat responden bahawa terdapat beberapa buah suku dan tempat yang tidak lagi terikat dengan larangan perkahwinan sesama suku. Misalnya, suku yang terdapat di kawasan luak Rembau, suku Binduanda Jakun yang membolehkan perkahwinan antara suku Binduanda Dagang atau Binduanda Jawa. Hal ini berbeza bagi masyarakat suku adat di Kuala Pilah yang masih lagi mengikut Adat Perpatih untuk tidak membenarkan perkahwinan antara suku yang sama berlaku.

Kesan perkahwinan satu suku yang sama adalah akan dikenakan hukuman iaitu segala harta benda akan dirampas iaitu pihak perempuan tidak akan dapat mewarisi harta pusakan atau harta adat dan bagi lelaki tidak akan diberikan jawatan dalam pejabat adat. Undang-undang ini juga boleh menjatuhkan hukuman denda kepada pasangan yang berkahwin dengan suku yang sama iaitu sebanyak lima puluh gantang beras, kerbau seekor dan wang bernilai sebanyak RM 14.00.

Kesan daripada perkahwinan sumbang Sekadim adalah satu kesalahan yang paling besar dalam Adat Perpatih dan akan dikenakan hukuman yang berat iaitu segala harta benda pusaka adat akan dirampas. Hal ini juga termaktub kepada sesetengah tempat mengikut cara hukuman dilaksanakan dan denda dikenakan kerana terdapat sesetengah kawasan hukuman bunuh bagi sesiapa yang melakukan kesalahan sumbang sekadim ini.



Rajah 4.2 Pengantin Sedang Diarak

Sumber: Internet

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Penutup

Melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, saya berharap agar masyarakat tahu dengan lebih terperinci mengenai tentang apa yang dilakukan oleh masyarakat Adat Perpatih jalankan ketika adat perkahwinan yang terletak di kawasan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui apakah langkah yang perlu dilaksanakan ketika majlis perkahwinan dilaksanakan jika berkahwinan dengan orang luar dari suku adat. Pengkaji juga mengkaji apakah ciri-ciri yang terdapat di dalam perkahwinan Adat Perpatih yang masih diamalkan dan diikuti sehingga kini oleh masyarakat setempat. Ciri-ciri dalam sesebuah perkahwinan ini amat penting untuk menunjukkan nilai dan identity sesuatu suku dan adat yang menjadi pegangan dari turun-temurun oleh pengamal adat ini. Tatatertib sebelum, semasa, dan selepas perkahwinan menunjukkan bahawa penduduk di kawasan negeri Sembilan ini amat berpegang teguh dengan adat yang telah di amalkan dari dahulu hingga kini yang menjadi satu warisan budaya yang sangat bernilai yang tidak terdapat di tempat lain. Segala adat perkahwinan ini disesuaikan dengan masyarakat tempatan untuk mengelakkan daripada berlakunya kesalahfahaman antara adat Temenggung dan Adat Perpatih yang di amalkan di Malaysia.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan menerangkan, mengenai hasil perbincangan kajian warisan perkahwinan adat perpatih di Kuala Pilah. Pandangan dan perbincangan yang diberikan merupakan sebagai kaedah untuk mengekalkan adat yang sudah dibawa oleh nenek moyang yang sentiasa dingati dan tidak mudah untuk dilupakan sehingga ke generasi yang akan datang jika warisan adat ini sentiasa terpelihara dan diamalkan oleh generasi kini. Dalam cadangan ini dinyatakan berdasarkan daripada hasil kajian, objektif dan permasalahan kajian yang juga turut merumuskan semua kajian ini secara menyeluruh mengenai adat warisan perkahwinan dalam masyarakat Kuala Pilah di Negeri Sembilan.

5.2 Perbincangan

Masyarakat Negeri Sembilan, amat terkenal dengan masyarakat yang terkenal dan kaya dengan adat istiadat Perpatih yang sememangnya kaya dengan dengan kepercayaan dan pantang larang dan peraturan yang mesti dipatuhi oleh setiap masyarakat dari 12 suku di Negeri Sembilan. Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai warisan Adat Perpatih dalam adat perkahwinan berdasarkan Objektif yang ditetapkan. Amat penting dalam mengkaji warisan dalam mengekalkan identiti Adat Perpatih yang dibawa ke Tanah Melayu oleh pembesar dari Minangkabau.

Adat Perpatih ini telah lama menjadi pegangan masyarakat di Negeri Sembilan dalam menjalankan kehidupan seharian. Kajian ini telah menetapkan tiga objektif kajian yang akan dikaji dan kesemua objektif kajian ini telah dipenuhi sepanjang kajian ini dijalankan oleh penyelidik. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa kajian yang dilaksanakan ini memenuhi ketiga-tiga objektif yang telah ditetapkan.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengenalpasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih

Objektif kajian yang pertama adalah mengenalpasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Terdapat beberapa jenis ciri perkahwinan yang dikenalpasti oleh pengkaji iaitu perkahwinan biasa yang melibatkan segala peraturan adat dan perkahwinan tidak lazim iaitu perkahwinan yang tidak mengikut peraturan dan cara adat. Ciri perkahwinan juga dapat dikenalpasti iaitu langkah-langkah adat yang dilaksanakan mengikut urutan dan tertib yang digariskan.

Setiap ciri-ciri perkahwinan ini mempunyai cara adat dan peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat yang masih berpegang kepada Adat Perpatih. Perkara Adat yang perlu diikuti adalah seperti sebelum perkahwinan ini dilaksanakan pihak pengantin haruslah mendapatkan sokongan dan mengenalpasti asal usul keturunan pihak pasangannya untuk mengelakkan berlakunya perkahwinan seibu yang mana ianya dilarang oleh Adat Perpatih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih

Objektif kajian yang kedua adalah, mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih iaitu dimulakan dengan pihak lelaki datang bertandang kerumah si gadis untuk merisik atau dikenali sebagai *risik Tanya* untuk mengetahui adakah si gadis yang akan dipinang masih tidak mempunyai atau sebaliknya. Seterusnya akan dijalankan adat menghantar cincin tanda atau bertunang beserta dengan alat persalinan yang akan dipakai pada hari perkahwinan nanti. Setelah itu, akan berlangsung *hari olek* atau dikenali sebagai *hari berlangsung* pada waktu ini akan berlangsunglah majlis akad nikah, dan bersanding. Akhir sekali akan berlangsung isitadat bertandang oleh kedua belah pihak yang akan bertandang ke rumah saudara-mara kedua belah pihak bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara keluarga.

Perkahwinan antara orang bukan dari golongan Adat Perpatih juga perlu untuk menjalankan proses berkedim yang mana diketuai oleh Buapak adat. Proses berkedim ini dilaksanakan oleh Buapak kepada pasangan yang ingin berkahwin dengan anak adat dengan menerima pasangan sebagai salah satu daripada suku adat yang tidak sama dengan adat pasanganya. Proses ini salah satu Adat Perpatih yang masih dilaksanakan oleh masyarakat di Negeri Sembilan untuk menerima orang luar adat sebagai ahli keluarga sendiri.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama

Analisis kajian untuk objektif yang ketiga adalah mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama di Negeri Sembilan dalam Adat Perpatih. Kesan perkahwinan antara suku yang sama adalah dari segi pemilikan harta adat bagi perempuan adalah tidak dapat dan lelaki pula tidak mendapat memegang apa-apa jawatan di dalam adat. Selain itu, denda dan hukuman juga akan dilaksanakan bagi mereka yang melanggar adat perkahwinan sesama suku seibu. Terdapat hukuman yang ringan dan hukuman yang berat kesan daripada perkahwinan sama suku ini. Terdapat juga acara untuk menebus kembali pihak wanita dan pihak lelaki untuk mendapatkan kembali hak mereka iaitu dengan menjalankan adat permuliharaan pusaka.

5.3 Cadangan

Hasil daripada kajian dan penyelidikan serta analisis yang telah dilakukan dari bab satu sehingga bab empat, dapat dikenalpasti apakah cadangan yang dapat diperolehi dan dikenalpasti dari segi individu, masyarakat, dan dari segi pandangan perundangan. Cadangan ini ditimbang hasil daripada analisis dan juga tajuk dokumentasi warisan perkahwinan Adat perpatih di kawasan Kuala Pilah, negeri Sembilan:

5.3.1 Individu

Walaupun adat perkahwinan itu diamalkan, namun tidak boleh dilebih-lebihkan sehingga melampaui batas agama yang ditetapkan sama ada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan itu dilaksanakan. Majlis perkahwinan yang dilangsungkan tentulah terdapat pelbagai jenis barangan yang digunakan namun, setiap perincian untuk majlis perkahwinan hendaklah mengelakkan daripada

berlakunya pembaziran dalam sepanjang persiapan untuk menyiapkan majlis perkahwinan kerana ia merupakan salah satu perkara yang tidak baik dan tidak disukai oleh Allah SWT. Perancangan yang rapi hendaklah dilaksanakan sebelum persiapan dimulakan dengan mengambil kira segala aspek yang terlibat. Setiap individu ini memerlukan jati diri yang kukuh dalam mengekalkan warisan Adat Perpatih dalam adat Perkahwinan.

5.3.2 Ibubapa

Cadangan ini juga melibatkan ibubapa yang memainkan peranan yang penting dari aspek-aspek yang melibatkan adat-adat sebelum, semasa dan selepas mengadakan majlis perkahwinan anak-anak mereka kerana mereka merupakan golongan yang lebih mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai adat yang dilaksanakan. Pendapat daripada golongan ini penting untuk mengetahui adat yang dilaksanakan itu bersesuaian atau tidak dilaksanakan lagi mengikut peredaran masa. Hal ini kerana, terdapat beberapa adat yang dilaksanakan adalah tidak lagi berkaitan dan perlu dirujuk dengan orang yang lebih arif mengenai hukum- hakam yang telah termaktub di dalam syariat Islam agar tidak terpesong di kemudian hari.

5.3.3 Masyarakat

Cadangan untuk Kajian ini juga dapat dilihat dari aspek masyarakat, hal ini diharapkan agar perkahwinan mengikut adat perpatih ini masih diamalkan oleh masyarakat di kawasan Kuala Pilah dan dikawasan negeri Sembilan, kerana ianya mempunyai nilai-nilai yang baik dan menjadikan suasana perkahwinan itu bertambah meriah dan mengeratkan hubungan silaturahim antara puak dan keluarga. Selain itu, adat yang masih dilaksanakan ini mudah-mudahan agar

generasi muda ini tidak mudah untuk lupakan apakah adat yang terdapat dalam perkahwinan adat perpatih ini kerana ianya adalah salah satu budaya dan menjadi kebanggaan orang di Negeri Sembilan itu sendiri kerana, mempunyai nilai yang bermakna dan berbeza dengan adat bagi kaum yang lain.

5.3.3 Perundangan

Dalam bidang perundang juga perlu dititik beratkan dari sudut pandangan peraturan yang akan memberikan kesedaran dari pandangan masyarakat terhadap adat perkahwinan kerana bagi pandangan masyarakat mengenai adat istiadat ini dilaksanakan adalah kurang menyenangkan. Oleh itu, pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan adat istiadat perkahwinan amat penting untuk melindungi dan agar adat istiadat perkahwinan ini tidak mudah untuk lupakan oleh generasi yang akan datang. Selain itu, pelaksanaan perundangan ini juga penting untuk dilaksanakan bagi melindungi daripada adat istiadat yang dilaksanakan dalam perkahwinan ini bercanggahan dengan syariat Allah SWT. Diantaranya, adalah menguatkuasakan hukuman bagi mereka yang melakukan kesalahan dalam adat istiadat dan apa yang dilaksanakan itu bertentangan dengan syariat Islam. Oleh itu, amat diperlukan hukuman yang jelas dan mengisytiharkan agar memastikan adat istiadat ini dilaksanakan dengan betul.

5.3.4 Media Massa

Media massa juga perlu memainkan peranan yang penting dan sentiasa untuk menitikberatkan perkara yang penting dalam mempromosikan adat perpatih dalam perkahwinan dalam rancangan-rancangan televisyen yang ditayangkan untuk tujuan mempromosikan warisan budaya adat perpatih dalam perkahwinan dan pengetahuan kepada masyarakat di Malaysia dan di luar sana agar mengetahui

tatatertib yang betul dan kefahaman mengenai adat yang masih digunapakai. Rancangan mengenai adat perpatih ini yang hendak ditayangkan mestilah mendapatkan maklumat dari sumber yang sahih untuk mengelakkan kesalahfahaman mengenai adat yang dilaksanakan oleh masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan.

5.3.5 Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan seperti pihak daripada pihak kerajaan dan pihak NGO perlu sentiasa bersatu dan bekerjasama dalam memastikan warisan budaya seperti adat perpatih dalam perkahwinan dapat diwarisi dan dijaga untuk generasi akan datang. Agensi kerajaan dan pihak NGO juga boleh bersama-sama untuk membuka galeri khas atau muzium yang dikhususkan mengenai pameran adat perpatih bukan sahaja dalam perkahwinan malahan dari aspek yang lain seperti pembahagian harta, asal usul adat perpatih, pengamal adat perpatih, dan pengasas adat perpatih yang diamalkan di masyarakat di Negeri Sembilan. sebagai contoh pihak kerajaan tempatan atau negeri yang bertanggungjawab dalam menerangkan mengenai adat perpatih disarankan agar menerbitkan buku mengenai adat perpatih masyarakat Negeri Sembilan yang lebih terperinci bagi memudahkan golongan muda dan para penyelidik atau pengkaji untuk merujuk dan mendapatkan sumber mengenai adat perpatih ini dengan lebih mudah dan tidak mudah dilupakan. Dengan cara ini semua lapisan masyarakat dapat mengetahui tentang cara-cara adat perpatih dalam perkahwinan yang dijalankan dan mendapat banyak maklumat mengenai adat perkahwinan jika cadangan ini dikemukakan dan dilaksanakan.

5.4 Cadangan lanjutan

Cadangan yang dibuat adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan dan kajian lanjutan dimana kajian ini mesti diteruskan dengan menggunakan objektif yang berbeza. Cadangan lanjutan ini adalah bertujuan agar maklumat mengenai adat perkahwinan perpatih Negeri Sembilan agar lebih jelas dan terperinci. Cadangan lanjutan oleh penyelidik adalah dengan membuat kajian mengenai sejarah kedatangan Adat Perpatih dengan terperinci. Kajian ini dijalankan bagi memfokuskan kepada asal-usul Adat Perpatih ini yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan. Hal ini kerana, sejarah dan asal-usul adalah sangat penting bagi mencari perbezaan antara adat perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan, Malaysia dan adat perpatih di Indonesia. Antara kemungkinan kedua tempat ini mempunyai perbezaan yang ketara dari pelbagai sudut pandangan seperti perlaksaaannya, proses adat dijalankan dan bahan yang digunakan dalam sesuatu adat perpatih tersebut.

Kajian lanjutan ini juga adalah sebagai kajian yang dijalankan untuk mengkaji mengenai fungsi bagi setiap adat itu dilaksanakan. Hal ini kerana, masyarakat atau generasi muda sekarang hanya mengetahui cara perlaksanaannya sahaja berbanding setiap fungsi adat yang dilakukan. Tujuan kajian ini juga adalah untuk dijalankan bagi mencari lebih lanjut mengenai adat dan mengetahui apakah fungsi setiap langkah dalam satu-satu adat itu dilakukan. Oleh itu, fungsi setiap adat merupakan salah satu sebab penting untuk mengekalkan adat perpatih ini bagi tujuan kajian ini diteruskan.

5.5 Kesimpulan

Berdasarkan kajian dan penyelidikan dan analisis yang telah dilaksanakan dari bab satu sehingga bab empat, dapat disimpulkan hasil daripada kajian yang didapati mengenai tajuk adat perkahwinan masyarakat di Negeri Sembilan. Hal ini dapat dilihat, bahawa masyarakat yang bertamadun akan dikenali pasti berdasarkan melalui tingkah laku, budaya dan adat istiadat sesuatu bangsa. Adat istiadat, merupakan satu tingkah laku sosial, peraturan, cara berfikir dan cara bertindak dalam satu masyarakat yang terbentuk setelah dilakukan secara berulang kali, dengan adanya tokoh tambah yang menurut keperluan dan cara berfikir dan cara bertindak sesebuah masyarakat tersebut. Hal ini kerana, adat perpatih merupakan satu peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu khususnya masyarakat di Negeri Sembilan yang amat terkenal dengan adat perpatih yang telah menjadi pengangan dari dahulu hingga kini yang telah dianggap sebagai satu peraturan. Adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan berunsurkan syariat Allah SWT.

Seterusnya, adalah kebanyakan adat istiadat perpatih sangat menepati hukum syarak kerana masyarakat yang mengamalkan adat perpatih ini amat menitikberatkan hukum syarak dalam sesuatu adat yang diamalkan. Adat perpatih yang dilaksanakan dalam perkahwinan adalah salah satu adat yang masih diamalkan di oleh suku kaum di Negeri Sembilan, ia bertujuan untuk melengkapkan sesuatu bagi majlis yang dijalankan berjalan dengan teratur dan sistematik berlandaskan adat dan menepati syariat Islam. Di samping itu juga, kesan-kesan dari adat yang telah diamalkan oleh generasi nenek moyang terdahulu dalam masyarakat di Negeri Sembilan yang sangat berpengalaman amat bernilai dan perlulah dijaga dengan begitu rapi dan masih diamalkan oleh generasi kini dan akan datang. Warisan perkahwinan adat perpatih ni menjadi satu warisan budaya yang boleh menjadi satu kebanggaan kepada generasi muda dan generasi yang akan datang kerana

warisan adat perpatih ini masih diamalkan telah menjadikan suasana dalam sesuatu majlis perkahwinan bertambah meriah. Impak adat dalam masyarakat ini amatlah kuat dan haruslah diteruskan sebagai peraturan dan pendoman untuk generasi yang akan datang. Ini kerana, bagi melaksanakan majlis perkahwinan sebagai hari yang paling bermakna untuk kedua mempelai, keluarga kedua belah pihak, dan seterusnya kepada saudara mara serta sahabat handai.

Rujukan

- AmranYahya, (2020), *Angkat Semula Peranan 'Ibu Soko'*
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/553561/angkat-semula-peranan-ibusoko>
- Dharmawijaya. (1981). *Titian Zaman*. Kuala Lumpur: Macmillan.
<http://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/143>
- Hajah Makiah Tussaripah Hj Jamil et,al , (2016), *Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*
https://www.researchgate.net/publication/301893435_KAJIAN_ADAT_PERPATIH_DI_NEGERI_SEMBILAN_SATU_TINJAUAN_MENURUT_PERSPEKTIF_ISLAM
- HaronDaud, (1989), *Adat Istiadat Masyarakat Melayu*. M/S 149
<http://pelitakaryaagung.blogspot.com/2014/03/pengertian-adat-dan-istiadat.html>
- H. Idris Ahmad, (1983), *Perkahwinan Menurut Islam*. Jil. 2, 54
https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkahwinan_menurut_Islam#Jenis-jenis_perkahwinan
- Mualimin Mochammad Sahid, (2018), *Adat Perpatih Berpandukan Syarak*
https://www.researchgate.net/publication/326032648_ADAT_PERPATIH_BERPANDUKAN_SYARAK
- Norhalim Hj. Ibrahim, 1997 *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggong*, 5.
<https://melayu.library.uitm.edu.my/1236/>

Parr, C.W.C. dan Mackary, W.H. 1910 Rembau, *A Note on the Conflict between the rules of Custom and Those of Islam.*

https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/678478/6.4152_HO_CPGF_Report_into_Sharia_Law_in_the_UK_WEB.pdf

Parr, C.W.C et al, (1910), *One of The Nine State: Its History, Constitution and Customs.*
JSBRAS 56: 1-57 <https://ejournal.upi.edu/index.php/historia/article/view/12169>

Rosiswandy et al., (n.d.). *Sejarah pengamalan adat perpatih di negeri sembilan.*

<http://www.jmm.gov.my/files/Sejarah%20Pengamalan%20Adat%20Perpatih%20Di%20Negeri%20Sembilan.pdf>

Shamsuddin Ahmad , Kamarul Afizi Kosman , Syukri Yeoh Abdullah & Mohd Nazim

Abdul Gaman, (2019). TERAS ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SATU KEUNIKAN IDENTITI WARISAN BANGSA (' ADAT PERPATIH ' NEGERI SEMBILAN AS A UNIQUE IDENTITY OF NATIONAL HERITAGE).

<http://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/143>

Wook et al, I. (2017). TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN: UNDANG-UNDANG, PELAKSANAAN DAN REALITI. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1).

<https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjsl/article/view/48>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL PP2 BAB 4

OBJEKTIF DAN SOALAN

- I. Mengenalpasti ciri-ciri dalam perkahwinan mengikut Adat Perpatih
 - Apakah aturan perkahwinan adat perpatih? Seperti jika perkahwinan mengikut adat temenggung aturan yang dilaksanakan adalah seperti merisik, tunang, akad dan majlis bagaimana jika mengikut adat perpatih adakah terdapat perbezaan atau penambahan acara?
 - Apakah hantaran wajib ada ketika majlis berlangsung atau ianya hanya sebagai satu tradisi sahaja?
 - Adakah cara pemakaian untuk majlis ditetapkan atau mempunyai pakaian tersendiri atau mengikut kehendak pengantin?
 - Siapakah orang yang perlu ada ketika majlis perkahwinan dilaksanakan?
 - Apakah perbezaan yang terdapat dalam ciri-ciri adat perkahwinan perpatih dan temenggung?
 - Adakah ciri-ciri adat perpatih ini akan bertukar dan berubah?
 - Adakah pencampuran adat perkahwinan bertentangan dengan ciri-ciri perkahwinan adat perpatih yang dilaksanakan?
 - Apakah persamaan adat perpatih dan adat temenggung dalam ciri-ciri perkahwinan?
 - Apakah jenis perkahwinan yang terdapat dalam adat perpatih?

- Apakah perbezaan antara perkahwinan adat yang dilaksanakan oleh ketua adat dan perkahwinan yang dilaksanakan secara modern?

II. Mengetahui tata tertib perkahwinan dalam Adat Perpatih

- Apakah yang berlaku sebelum, semasa dan selepas perkahwinan adat perpatih ini dilaksanakan?
- Apakah terdapat perbezaan antara perkahwinan sebelum pandemic dan semasa pandemic ini berlaku?
- Apakah pantang larang yang harus diikuti oleh kedua belah pihak pengantin sebelum, semasa dan selepas perkahwinan dilaksanakan?
- Siapakah antara orang yang penting terlibat dalam upacara tata tertib adat perkahwinan?
- Adakah pengantin perempuan dari adat luar perlu untuk mengikuti tata tertib adat perpatih jika ingin berkahwinan dengan lelaki dari adat perpatih?
- Adakah pengantin lelaki luar juga perlu mengikuti segala tata tertib yang ditetapkan oleh pihak perempuan?
- Adakah hanya wali sahaja yang layak untuk menjadi wali dalam adat perpatih?
- Apa yang berlaku jika salah satu tata tertib yang ditetapkan oleh ketua adat ini dilanggar?
- Siapakah orang yang bertanggungjawab bagi memastikan tata tertib ini dilaksanakan ketika majlis berlangsung?
- Apakah tindakan yang diberikan jika tidak mengikut tata tertib yang ditetapkan?

III. Mengkaji kesan perkahwinan antara suku yang sama

- Adakah perkahwinan berlainan adat akan mempengaruhi kedudukan kaum wanita dalam adat?
- Apakah syarat jika orang bukan dari keturunan suku kaum di Negeri Sembilan yang ingin berkahwin dengan orang negeri adat ini?
- Apakah yang akan berlaku jika perkahwinan antara suku kaum yang berlaku?
- Apakah tindakan yang dikenakan kepada suku kaum yang melanggar adat perkahwinan?
- Apakah yang akan berlaku jika salah satu tata tertib adat perpatih dilanggar ketika majlis berlangsung?
- Apakah penerimaan adat/masyarakat terhadap mereka yang melanggar peraturan ini?
- Apakah syarat yang dikenakan oleh ketua adat terhadap perlaku kesalahan ini?
- Adakah hukuman ini berbeza mengikut kesalahan yang dilakukan oleh pelaku?
- Adakah kesan kesalahan ini juga akan turun kepada generasi seterusnya?
- Apakah pandangan Puan terhadap kesalahan yang dilakukan adakah ianya berbaloi dengan hukuman yang diberikan?

CARTA GANTT: PROJEK PENYELIDIKAN 1

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)	█														
Draf awal		█													
Bab 1 : Pendahuluan		█	█												
Bab 2 : Sorotan Kajian		█	█												
Bab 3 : Metodologi Kajian		█	█												
Penghantaran draf				█	█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Penyuntingan					█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Pembentangan PP1														█	
Pembetulan															█

CARTA GANTT: PROJEK PENYELIDIKAN 2

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	1 1	1 2	1 3	1 4	1 5
Perjumpaan Bersama Penyelia															
Perbincangan Projek Penyelidikan 2															
Membuat Soalan Temubual															
Perjumpaan Bersama Penyelia															
Pembetulan untuk Soalan Temubual															
Kajian Lapangan															
Menganalisis Dapatan Temubual															
Bab 4 : Dapatan Kajian															
Bab 5 : Rumusan dan Cadangan															
Penghantaran Bab 4 dan Bab 5															

